



TELITI...Sultan Ibrahim diiringi Jamil Khir (kiri) dan Ismee (kanan) melawat perasmian Pusat Khidmat Kewangan Islam di Menara Tabung Haji.

Pusat Khidmat Kewangan Islam

J OHOR BAHRU: Menara Tabung Haji yang terletak di Jalan Ayer Molek dipilih sebagai lokasi Pusat Khidmat Kewangan Islam (IFIC) pertama di Malaysia.

Menyatakan di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, industri kewangan Islam menjadi komponen yang kompetitif dalam sistem kewangan di Malaysia serta pemacu pertumbuhan ekonomi negara.

"Oleh itu, sejajar dengan usaha kerajaan menjadikan negara ini sebagai pusat kewangan Islam antarabangsa, sebagai projek perintis, Lembaga Tabung Haji (LTH) mengambil inisiatif dengan menubuhkan IFIC pertama negara iaitu di Johor Bahru.

"Selain menjadi pusat pengurusan kewangan dan pembiayaan Islam, IFIC menyediakan perkhidmatan pertukaran mata wang, perlindungan insurans, pelancongan serta pakej haji

dan umrah di bawah satu bumbung.

"Kita berharap LTH mewujudkan lebih banyak IFIC serta mempelbagaikan perkhidmatan berunsurkan Islam untuk merancakkan lagi ekonomi Islam," katanya pada perasmian IFIC di Menara Tabung Haji, semalam.

Hadir mencemar duli bagi menyempurnakan majlis ialah Sultan Johor, Sultan Ibrahim diiringi Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman.

Turut hadir Pengurus Tabung Haji, Tan Sri Abi Musa Asa'ari Mohamed Nor serta Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif Tabung Haji, Datuk Paduka Ismee Ismail.

IFIC ialah pusat sehenti membabitkan beberapa agensi yang bergabung di bawah satu bumbung bagi menjalankan urusan muamalat.